

# Abdullah: Kikis persepsi negatif

PUTRAJAYA 8 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta seluruh kakitangan kerajaan menjadikan tahun baru 2007 sebagai tahun untuk mengikis persepsi masyarakat awam yang melihat perkhidmatan itu sebagai lemah.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan juga perlu mengikis persepsi masyarakat yang melihat perkhidmatan tersebut bukan sahaja tidak elok dan tidak bermaya dalam berkhidmat kepada rakyat, malah gagal melaksanakan dasar dan strategi kerajaan.

Beliau menegaskan, setiap kakitangan awam perlu menjadikan kesungguhan untuk mengubah persepsi ini sebagai satu iltizam atau tugas besar.

“Saya ada dengar laporan akhbar dan daripada kawan-kawan yang hadir pada

satru seminar. Mereka kata dasar dan strategi yang Pak Lah perkenalkan baik, tetapi yang menyedihkan apabila mereka cakap fasal pelaksanaan.

“Daripada apa yang saya baca dan dengar itu, ada pandangan yang diberikan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan kelembapan pelaksanaan kerana sistem penyampaian khidmat kerajaan kepada awam masih lemah.

“Maknanya ini adalah satu teguran, satu kritikan atau adakah ini satu kecaman terhadap kita semua khususnya ke atas pentadbiran, pegawai kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan?” tegasnya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Abdullah berkata, beliau bimbang sekiranya tiada usaha di peringkat pelaksana

um-9/1/2007  
untuk mempercepat projek dan program untuk rakyat, akan timbul pula andaian-andaian baru bahawa ia ada hubung kait dengan masalah rasuah.

Kata beliau, bila rasuah dan kelemahan dikaitkan, ia akan membawa padah kepada kerajaan dan rakyat.

“Kita tidak mahu dilihat sebagai anggota kerajaan yang dipandang tidak elok oleh orang. Kita mahu orang lihat kita sebagai anggota yang berwibawa dan dihormati dan bukan depan cakap elok, di belakang kita macam-macam cakap tak baik,” katanya.

Bagaimanapun kata Abdullah, perkara tersebut mesti dilihat secara positif dan sekiranya ia satu andaian atau persepsi yang telah lama wujud, adalah menjadi usaha setiap kakitangan awam untuk mengikisnya supaya tidak menjadi lagi satu

persepsi.

Mengenai satu seminar yang membincangkan pencapaian tiga tahun pentadbirannya baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, beliau berasa tidak seronok apabila mendapati terdapat peserta yang merungut mengenai kelemahan dalam sistem penyampaian jabatan kerajaan kepada orang awam.

“Apabila saya baca mengenainya, memang saya rasa tidak seronok dan ia boleh dilihat sebagai kritikan langsung terhadap pentadbiran, kakitangan dan jabatan kerajaan,” katanya.

Sehubungan itu kata Abdullah, beliau berharap untuk mendapatkan pandangan-pandangan yang lebih jelas dan khusus daripada mereka yang terlibat dalam perbincangan itu.